



"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

ASPIRASI

Edisi 1/2026

(Januari - Mac)

PERKONGSIAN KEPIMPINAN KPF

DI SEMINAR PENGURUSAN
KUMPULAN FELDA

KPF HULUR SUMBANGAN

ANGGOTA NIKMATI MANFAAT
MYFIRE PLUS+

Memperkasa

SUARA ANGGOTA MENGUKUH KOPERASI

SOROTAN MESYUARAT AGUNG KAWASAN KPF 2026



Penaung
Sakinah Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



Penasihat
Anuar Hassan
Divisyen Pengurusan & Perkhidmatan



Ketua Editor
Atiqah Ya'acob



Penulis
Mohd Fikrie Azlan



Visual & Media
Ahmad Yusri Yusoff



Grafik & Visual
Farhan Akmal Parsi



Media & Perhubungan Awam
Salmiah Ahmad Tahir



Grafik & Media
Muhammad Izzat Che Baharun

SOROTAN BERITA

■ **MESYUARAT AGUNG KAWASAN KUALA LUMPUR LENGKAPKAN SIRI 43 KAWASAN**

4

■ **TENERA HOTEL & SUITES BERJAYA KEKALKAN BUFET RAMADAN TERBAIK**

18

■ **PERKONGSIAN KEPIMPINAN KPF DI SEMINAR PENGURUSAN KUMPULAN FELDA 2026**

19

■ **MAJLIS BERBUKA PUASA D'MART SEGI FRESH BERSAMA KOMUNITI FELDA SG TENGI**

22

KPF DEKAT DI HATI MELALUI PERANAN MEDIA SOSIAL

f Kpf Rasmi



QR Code

kpfrasmi



QR Code

kpfrasmi



QR Code

LIKE

SEARCH

SHARE

RSS !

KPF menggiatkan penglibatan anggota melalui peranan media sosial rasmi yang membenarkan interaksi mudah, promosi produk dan menyebarkan maklumat terkini. Media sosial menjadi platform untuk memperkuat perhubungan dan kepercayaan.

ASPIRASI PENGERUSI

Assalamualaikum WBT dan Salam Malaysia Madani,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Ilahi kerana dengan izin-Nya, penerbitan buletin Aspirasi bagi edisi pertama tahun 2026 berjaya dilaksanakan. Semoga dengan kehadiran buletin ini dapat menyalurkan informasi terkini dan sahih kepada pemegang taruh di seluruh Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada barisan Lembaga, pengurusan dan warga kerja KPF kerana telah menyempurnakan Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) bagi tahun 2026 yang melibatkan 43 buah kawasan.

Selain membentangkan laporan prestasi dan menyampaikan perkembangan terkini kepada anggota, MAK juga menjadi platform untuk bertukar buah fikiran dan medan diskusi demi kepentingan koperasi. Penyertaan anggota yang sangat menggalakkan juga harus dipuji.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada KPF Hotel Management Sdn. Bhd. (Tenera Hotel & Suites) di bawah kendalian Ketua Syarikatnya, YBrs. Encik Fadzly Hamzah yang berjaya mengekalkan status bufet Ramadan terbaik bertaraf 5 bintang selama 7 tahun berturut. Sesungguhnya kejayaan ini membuktikan komitmen seluruh warga kerjanya dalam memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya. Kejayaan ini juga sememangnya menjadi kebanggaan seluruh warga FELDA, terutamanya anggota KPF.

Segala perancangan telah digerakkan demi menghasilkan peningkatan prestasi koperasi secara keseluruhan agar selari dengan agenda pembangunan FELDA seperti yang dimahukan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Teruskan menaruh kepercayaan kepada barisan Lembaga dan Pengurusan KPF. Saya percaya, sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada seluruh pihak terutamanya anggota koperasi akan membawa KPF dan Kumpulannya ke satu taraf yang lebih membanggakan. Semoga usaha kita akan sentiasa diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT.

asa diberkati Allah SWT demi kemajuan koperasi yang kita cintai.

Sekian, wassalam.

YBHG. DATO' MOHD BANURI ARIS
Pengerusi

WARKAH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Ukhuwah,

Syukur kepada Allah SWT kerana memberikan ruang dan peluang untuk kita terus menerbitkan buletin Aspirasi yang menghubungkan KPF dengan anggotanya dengan maklumat yang terkini, tepat dan sahih. Syabas diucapkan kepada sidang redaksi yang terlibat.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026. Umum mengetahui bahawa MAK merupakan satu keperluan tahunan yang disarankan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan perlu dilaksanakan selari dengan tadbir urus korporat yang baik. Syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja KPF yang menunjukkan komitmen. Tak dilupakan juga kepada barisan Lembaga dan seluruh anggota yang turut serta menjayakan mesyuarat tersebut.

Selain memberikan pulangan dividen yang kompetitif kepada anggota, KPF turut memainkan peranan yang aktif dalam memelihara kebajikan anggota. Salah satu inisiatif yang diperkenalkan adalah melalui pelaksanaan Skim Khas Rumah Perneroka iaitu Takaful myFire Plus dengan kerjasama Jabatan Komuniti FELDA. Saya berharap agar semua peneroka yang juga merupakan anggota KPF untuk menyertai skim ini agar manfaatnya dapat diraih.

Kini, KPF sedang dalam tempoh persediaan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-45 yang dijangka berlangsung pada bulan Jun 2026. Saya menyeru agar seluruh perwakilan memainkan peranan yang aktif dalam mesyuarat tersebut. Segala maklum balas yang konstruktif amatlah dihargai demi kemajuan koperasi yang kita cintai ini.

Semoga usaha yang giat dilaksanakan ini akan memberikan pulangan dividen yang lebih baik untuk masa akan datang.

Sekian, wassalam

SAKINAH SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan





Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Kuala Lumpur telah berlangsung dengan jayanya pada 16 Februari 2026 di Dewan Merak Kayangan, Balai FELDA.

MAK Kuala Lumpur telah dipengerusikan oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris. Turut hadir Setiausaha KPF, YBrs. Encik Ahmad Syaarani Azulan; Anggota Lembaga, YBhg. Dato' Muhamad Rizal Abdul Rahim dan YBrs. Encik Hasrin Ismail; serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, YBrs. Puan Sakinah Salleh bersama barisan pengurusan.

Mesyuarat ini menyaksikan penyertaan aktif para anggota serta komunikasi dua hala yang konstruktif dalam membincangkan empat agenda utama, iaitu laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 dan 2027, kelayakan Anggota Lembaga serta usul-usul anggota.

Mesyuarat AWASAN R LENGKAPKAN AWASAN



16 FEBRUARI 2026 | KUALA LUMPUR

Dengan berlangsungnya Mesyuarat tersebut, maka lengkaplah sudah penganjuran MAK KPF bagi tahun 2026 di kesemua 43 kawasan. Siri MAK 2026 telah membuka tirai pada 6 Januari lalu bermula di Wilayah Terengganu dan Gua Musang, sebelum diteruskan ke kawasan-kawasan lain sehingga melabuhkan tirainya hari ini.

Majlis turut diserikan dengan ceramah bertajuk *Ambang Ramadan* yang disampaikan oleh YBhg. Ustaz Mokhtar Yaacob bersempena ketibaan bulan Ramadan.



MAK 2026 KPF

Bermula di WILAYAH GUA MUSANG

6-7 JANUARI 2026 | GUA MUSANG

Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah bermula di Wilayah Gua Musang melibatkan Kawasan Gua Musang I dan Gua Musang II yang telah berlangsung pada 6 dan 7 Januari 2026.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Anggota Lembaga, YBrs. Encik Hasrin Ismail serta wakil pengurusan sebagai Ketua Kawasan iaitu Encik Azhar Adnan dan diadakan di Dewan Semai Bakti FELDA Chiku 2 dan Dewan Semai Bakti FELDA Kemahang 2.

Empat agenda utama dibentangkan, termasuk laporan prestasi dan akaun, cadangan pindaan belanjawan 2026 & 2027, aturan kelayakan menjadi Anggota Lembaga serta usul-usul lembaga dan anggota. Selain itu, mesyuarat juga menjadi platform untuk anggota koperasi berkongsi pandangan dan cadangan.





MAK 2026 KPF WILAYAH TERENGGANU BERLANGSUNG

Lancarkan

DI TIGA KAWASAN
6-8 JANUARI 2026 | TERENGGANU

Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) Wilayah Terengganu telah berlangsung dengan jayanya di tiga kawasan.

MAK Wilayah Terengganu ini telah dipengerusikan oleh Anggota Lembaga, YBrs. Encik hasbullah Muhammad dan dan wakil pengurusan sebagai Ketua Kawasan iaitu Encik Rosman Fauzi Ngah@Abdul Aziz.

Mesyuarat ini menjadi platform penting bagi anggota untuk mendapatkan penerangan mengenai kedudukan semasa KPF serta hala tuju strategik bagi tahun-tahun mendatang. Empat agenda utama dibentangkan, termasuk laporan prestasi dan akaun, cadangan pindaan belanjawan 2026 & 2027, aturan kelayakan menjadi Anggota Lembaga serta usul-usul lembaga dan anggota.

Penganjuran MAK ini mencerminkan komitmen KPF dalam memastikan ketelusan, keterlibatan anggota, serta kesinambungan pertumbuhan koperasi yang mampan.



Mesyuarat AGUNG KAWASAN (MAK) 2026 KPF ALOR SETAR

9-10 JANUARI 2026 | ALOR SETAR

Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Alor Setar I & II telah berlangsung dengan jayanya pada 9-10 Januari 2026 di Alor Setar.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Anggota Lembaga KPF, YBrs. Dr. Mohd Faisal Mustaffa dengan kehadiran wakil pengurusan selaku Ketua Kawasan iaitu Encik Helmi Syahrudin, di samping penyertaan aktif perwakilan kawasan serta anggota koperasi.

Empat agenda utama dibentangkan termasuk laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 & 2027, kelayakan Anggota Lembaga dan usul-usul anggota.



MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) KPF 2026 JOHOR BAHRU

13-14 JANUARI 2026 | JOHOR BAHRU



Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Johor Bahru I, II, III & IV telah berlangsung dengan jayanya pada 13-14 Januari 2026 di Johor Bahru.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Anggota Lembaga KPF, YBrs. Encik Hasbullah Muhamad dengan kehadiran wakil pengurusan selaku Ketua Kawasan iaitu Encik Khairul Hazry Maharani, di samping penyertaan aktif perwakilan kawasan serta anggota koperasi.

Empat agenda utama dibentangkan termasuk laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 & 2027, kelayakan Anggota Lembaga dan usul-usul anggota.



MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) KPF 2026 SEGAMAT

13-15 JANUARI 2026 | SEGAMAT

Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Segamat I, II, III & IV telah berlangsung dengan jayanya pada 13-15 Januari 2026 di Wilayah Segamat.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Anggota Lembaga KPF, YBhg, Dato' Ramli Ismail dengan kehadiran wakil pengurusan selaku Ketua Kawasan iaitu Encik Syahroziham Mohd Shahril, di samping penyertaan aktif perwakilan kawasan serta anggota koperasi. Anggota Lembaga yang turut hadir YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad dan YBrs. Encik Hasbullah Muhamad.

Empat agenda utama dibentangkan termasuk laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 & 2027, kelayakan Anggota Lembaga dan usul-usul anggota.





MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) 2026 KPF WILAYAH RAJA ALIAS

20-21 JANUARI 2026 | RAJA ALIAS

Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Raja Alias I, II, III & IV telah berlangsung dengan jayanya pada 20-21 Januari 2026 di Wilayah Raja Alias.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Anggota Lembaga KPF, YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad dengan kehadiran wakil pengurusan selaku Ketua Kawasan iaitu Puan Nurul Aini Zakaria, di samping penyertaan aktif perwakilan kawasan serta anggota koperasi. Anggota Lembaga yang turut hadir YBrs. Encik Hasbullah Muhamad.

Empat agenda utama dibentangkan termasuk laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 & 2027, kelayakan Anggota Lembaga dan usul-usul anggota.



MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) 2026 KPF WILAYAH KUANTAN

20-23 JANUARI 2026 | KUANTAN



Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Kuantan I,II,III,IV,V & VI telah berlangsung dengan jayanya pada 20-23 Januari 2026 di Wilayah Kuantan.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Anggota Lembaga KPF, YBrs. Encik Zaid Sidek dengan kehadiran wakil pengurusan selaku Ketua Kawasan iaitu Puan Norazimah Abdul Rahman dan Encik Muhammad Faizal Azizan, di samping penyertaan aktif perwakilan kawasan serta anggota koperasi. Turut hadir YBrs. Encik Hasbullah Muhamad, Anggota Lembaga KPF dan Pengarah Wilayah FELDA Wilayah Kuantan, YBrs. Dr. Hj. Mohd Syaiful Hassan.

Empat agenda utama dibentangkan termasuk laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 & 2027, kelayakan Anggota Lembaga dan usul-usul anggota.

Mesyuarat AGUNG KAWASAN (MAK) 2026 KPF WILAYAH JENGKA

28-29 JANUARI 2026 | JENGKA

Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Jengka I,II,III,IV,V & VI telah berlangsung dengan jayanya pada 28-29 Januari 2026 di Wilayah Jengka.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Anggota Lembaga KPF, YBrs. Encik Hasbullah Muhamad, YBrs. Dr. Mohd Faisal Mustaffa YBrs. Puan Iswanie Tormodi dengan kehadiran wakil pengurusan selaku Ketua Kawasan iaitu Encik Khairul Hazry Maharani dan Encik Abdul Rahman Hamzah, disamping penyertaan aktif perwakilan kawasan serta anggota koperasi.

Empat agenda utama dibentangkan termasuk laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 & 2027, kelayakan Anggota Lembaga dan usul-usul anggota.



MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) 2026 KPF WILAYAH SAHABAT

3-4 FEBRUARI 2026 | SAHABAT

Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Sahabat I & II telah berlangsung dengan jayanya pada 3-4 Februari 2026 di Wilayah Sahabat, Sabah.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Anggota Lembaga KPF, Encik Hasrin Ismail dengan kehadiran wakil pengurusan selaku Ketua Kawasan iaitu Encik Anuar Hassan, di samping penyertaan aktif perwakilan kawasan serta anggota koperasi.

Empat agenda utama dibentangkan termasuk laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 & 2027, kelayakan Anggota Lembaga dan usul-usul anggota.



MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) KPF 2026 WILAYAH MEMPAGA

10-12 FEBRUARI 2026 | MEMPAGA



Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Mempaga I,II,III,IV & V telah berlangsung dengan jayanya pada 10-12 Februari 2026 di Wilayah Mempaga, Pahang.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Anggota Lembaga KPF, YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad dan YBhg. Dato' Ramli Ismail dengan kehadiran wakil pengurusan selaku Ketua Kawasan iaitu Ir. Muhammad Zaid Ab Hamid Pahmi, di samping penyertaan aktif perwakilan kawasan serta anggota koperasi.

Empat agenda utama dibentangkan termasuk laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 & 2027, kelayakan Anggota Lembaga dan usul-usul anggota.



MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) 2026 KPF WILAYAH TROLAK


10-12 FEBRUARI 2026 | TROLAK

Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2026 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Trolak I,II,III & IV telah berlangsung dengan jayanya pada 10-12 Februari 2026 di Wilayah Trolak.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Anggota Lembaga KPF, YBhg. Datuk Haji Sulong Jamil Mohamed Shariff dengan kehadiran wakil pengurusan selaku Ketua Kawasan iaitu Encik Syahroziham Mohd Shahril, di samping penyertaan aktif perwakilan kawasan serta anggota koperasi.

Empat agenda utama dibentangkan termasuk laporan prestasi, cadangan pindaan Belanjawan 2026 & 2027, kelayakan Anggota Lembaga dan usul-usul anggota.





Majlis Amanat **YAB PERDANA MENTERI BERSAMA KUMPULAN FELDA: KPF SOKONG AGENDA PEMBANGUNAN FELDA**

5 MAC 2026 | MENARA FELDA

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) berbesar hati menghadiri Majlis Amanat Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama warga FELDA yang berlangsung di Menara FELDA.

Majlis tersebut menjadi platform penting dalam menyampaikan aspirasi, hala tuju serta komitmen kerajaan dalam memperkukuh pembangunan dan kesejahteraan komuniti FELDA secara keseluruhan. Amanat yang disampaikan turut menekankan kepentingan kebersamaan semua pihak dalam memastikan agenda pembangunan FELDA terus diperkasa demi masa depan peneroka dan generasi baharu FELDA.

Seiring dengan peranan KPF sebagai institusi ekonomi yang diasaskan untuk memperkukuh kedudukan kewangan warga peneroka, KPF akan terus berdiri teguh bersama kepimpinan FELDA dalam mendukung usaha pembangunan dan memperkasa kesejahteraan komuniti FELDA secara berterusan.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar; Pengerusi FELDA, YBhg. Dato' Seri Ahmad Shabery Cheek; Pengarah Besar FELDA, YBhg. Dato' Dr. Suzana Idayu Wati Osman; Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, YBhg. Datuk Haji Sulong Jamil Mohamed Shariff; serta barisan kepimpinan dan warga kerja FELDA dan Kumpulan.

KPF diwakili oleh Pengerusi, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, YBrs. Puan Sakinah Salleh, barisan pengurusan kanan KPF serta ketua-ketua syarikat subsidiari.

Kehadiran KPF dalam majlis ini mencerminkan komitmen berterusan koperasi dalam menyokong agenda pembangunan FELDA serta memperkukuh sinergi strategik antara institusi bagi memastikan kesejahteraan peneroka terus terpelihara.



Best Buffet Ramadan 5 Star

THIS CERTIFICATE IS AWARDED TO

TENERA HOTEL & SUITES

Year 2026



TENERA HOTEL & SUITES

Berjaya Kekalkan

BUFET RAMADAN TERBAIK

BERTARAF 5 BINTANG SELAMA 7 TAHUN BERTURUT

10 MAC 2026 | HOTEL TENERA, BANDAR BARU BANGI

Tenera Hotel & Suites menerima pengiktirafan sebagai bufet Ramadan terbaik bagi tahun 2026 bertaraf 5 bintang menjadikan pencapaian tersebut adalah kali ketujuh.

Kejayaan ini membuktikan Tenera Hotel & Suites yang dimiliki sepenuhnya oleh Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, khususnya kepada seluruh warga FELDA.

"Pelbagai faktor yang diambil kira semasa penilaian penarafan seperti konsep bufet yang menarik, menu yang berinovasi dan mencipta rasa masakan yang baharu.

"Selain itu, kami juga mengintegrasikan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) sepanjang penganjuran bufet Ramadan ini, sekali gus memberikan nilai tambah yang lebih bermakna untuk seisi keluarga dan juga alam sekitar," ujar Pengurus Besar Tenera & Suites, Encik Fadzly Hamzah ketika ditemu ramah.

Tambah beliau lagi, usaha mempertahankan gelaran bufet Ramadan terbaik bertaraf 5 bintang adalah sangat mencabar. Namun berkat sokongan daripada seluruh warga FELDA, maka kejayaan ini boleh dikekalkan.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Presiden Gastronomy Association of Malaysia, Cef Rossham Rusli dan disaksikan oleh Pengerusi FELDA, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek.



11 FEBRUARI 2026 | HOTEL TENERA, BANDAR BARU BANGI



PEKONGSIAN KEPIMPINAN KPF DI SEMINAR PENGURUSAN KUMPULAN FELDA 2026

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) terus memperkukuh kebersamaan bersama FELDA menerusi penyertaan dalam Seminar Pengurusan Kumpulan FELDA 2026 yang berlangsung di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi.

Seminar ini berbesar hati menjemput Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, YBrs. Puan Sakinah Salleh sebagai ahli panel bagi Sesi Dialog Panel 2 bertajuk *"Kepimpinan Melangkaui Silo dari Perspektif Pemimpin."* Penyertaan ini mencerminkan peranan aktif KPF dalam wacana kepimpinan dan pengurusan peringkat kumpulan FELDA.

Ahli panel lain yang berkongsi pentas adalah Pengarah Kumpulan Bahagian Minyak dan Lemak FGV Holdings Berhad, Encik Zulkifli Othman; dan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Encorp Berhad, Encik Ahmad Harmizi Mohd Taib,, dan dikendalikan oleh moderator Timbalan Pengarah Besar Servis Korporat FELDA, YBrs. Encik Muhammad Fitri Othman.

Sesi ini memberi pendedahan strategik mengenai peranan kepimpinan tertinggi dalam menyatukan hala tuju organisasi, memperkukuh kolaborasi rentas fungsi serta membudayakan pengurusan sepadu yang berteraskan integriti, inovasi dan kelestarian.

Diharapkan perkongsian kepimpinan ini dapat memberi inspirasi dan panduan praktikal kepada para peserta dalam membina organisasi yang lebih bersatu, tangkas dan mampan. Pengurusan KPF turut menghadiri seminar ini yang berlangsung selama tiga hari dengan penyertaan semua barisan kepimpinan Kumpulan FELDA.

RAKAN MEDIA MERASAI PENGALAMAN IFTAR SERANTAU DESA CITARASA MENDUNIA

24 FEBRUARI 2026 | HOTEL TENERA, BANDAR BARU BANGI



Tenera Hotel & Suites memberi peluang kepada rakan media untuk merasai pengalaman iftar di Bufet Ramadan bertemakan "Serantau Desa, Citarasa Mendunia" sebagai tanda penghargaan atas kerjasama yang diberikan.

Bufet Ramadan 2026 menampilkan hidangan asli citarasa Malaysia dan hidangan autentik dari negara jiran iaitu Indonesia dan Thailand.

"Masakan Malaysia terkenal dengan kepelbagaian rempah dan Thailand dengan keseimbangan rasa pedas, masam dan manis. Manakala Indonesia dengan hidangan berempah yang lebih pekat dan berani," ujar Cef Eksekutif Tenera Hotel & Suites, Encik Sahisal Azrul Mat Said.

Tambah beliau, konsep ini memberi peluang kepada para pengunjung untuk menikmati pengalaman gastronomi serantau semasa berbuka.

Dalam majlis serba ringkas itu, Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris menyampaikan cenderamata kepada wakil rakan media, Tuan Syed Mohd Yusof Wafa Syed Nordin Wafa.

Turut hadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, YBrs. Puan Sakinah Salleh, ahli Lembaga Pengarah KPF Hotel Management Sdn. Bhd., YBhg. Dato' Muhammad Taha Zainal dan Pengurus Besar Tenera Hotel & Suites, Encik Fadzly Hamzah dan wakil pengurusan KPF.



MAJLIS IFTAR RAMADAN KPF 2026 SANTUNI ANAK YATIM & ASNAF

12 MAC 2026 | DEWAN PERDANA FELDA, KUALA LUMPUR



Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) berkongsi rezeki dan mengeratkan silaturahim melalui penganjuran Majlis Iftar Ramadan bersama anak yatim dan asnaf di Dewan Perdana FELDA, Kuala Lumpur.

Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris berkata, program itu merupakan inisiatif untuk berkongsi rezeki serta menceriakan golongan yang memerlukan menjelang sambutan Aidilfitri.

"Sempena bulan Ramadan yang mulia ini, kita mengambil peluang untuk berkongsi rezeki dengan anak yatim dan asnaf," katanya ketika ditemu ramah.

KPF telah menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat ini pada setiap tahun bagi bersama-sama menikmati juadah berbuka puasa dan duit raya.

Tahun ini, KPF menjemput 25 anak yatim dan asnaf bersama penjaga daripada Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Al Haq Malaysia, Keramat untuk berbuka puasa.

MAJLIS BERBUKA PUASA D'MART SEGI FRESH BERSAMA KOMUNITI FELDA SUNGAI TENGI

13 MAC 2026 | FELDA SUNGAI TENGI



Majlis Berbuka Puasa D'Mart Segi Fresh Bersama Komuniti 1447H / 2026 yang berlangsung di FELDA Sungai Tengi telah menghimpunkan lebih 200 tetamu daripada komuniti setempat dalam suasana penuh kemesraan dan keberkatan Ramadan.

Sebelum majlis berbuka puasa berlangsung, turut diadakan program memasak bubur lambuk secara gotong-royong bersama komuniti setempat di lokasi yang sama, diikuti dengan edaran bubur lambuk kepada warga FELDA sebagai tanda kebersamaan serta semangat berkongsi rezeki di bulan Ramadan.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran Pengerusi D'Mart Segi Fresh, YAM Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF), YBrs. Puan Sakinah Salleh; serta Pengarah Eksekutif Jualan Nestlé Malaysia, Singapore dan Brunei, Encik. Tim Aird.

Program turut diserikan dengan simbolik penyerahan sumbangan kepada komuniti FELDA Sungai Tengi sebagai tanda keprihatinan kepada masyarakat setempat, sekali gus mengeratkan hubungan antara rakan strategik industri dan warga FELDA.

Sepanjang bulan Ramadan, D'Mart Segi Fresh turut melaksanakan pelbagai inisiatif kebajikan termasuk penyertaan dalam Jualan Rahmah, penyediaan terminal MyKasih bagi penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di semua cawangan, serta sumbangan moreh kepada masjid dan surau sekitar. Semoga usaha ini terus memperkukuh ukhuwah, menyemarakkan semangat kebersamaan serta membawa keberkatan Ramadan kepada seluruh warga FELDA dan rakan strategik yang terlibat.



RUMAH TERBAKAR: KPF HULUR SUMBANGAN RINGANKAN BEBAN, ANGGOTA NIKMATI MANFAAT MYFIRE PLUS+

6 FEBRUARI 2026 / FELDA PASOH 1

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) melalui anggota Lembagaanya, YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad menyampaikan sumbangan kepada Encik Masriaizan Abdul Majid, mangsa kebakaran rumah di FELDA Pasoh 1, Simpang Pertang, Jelevu, Negeri Sembilan.

"Insiden kebakaran rumah anggota KPF ini hampir memusnahkan 80 peratus kediamannya, namun kita harus bersyukur kerana tidak melibatkan kemalangan jiwa.

"Lebih baik lagi, mangsa telah mendapatkan perlindungan kebakaran melalui skim myFire Plus+ yang dikelola oleh KPF Niaga Sdn. Bhd. dan akan menerima pampasan sewajarnya," ucap beliau ketika menyerahkan sumbangan.

Beliau menyeru agar seluruh warga FELDA mencarum takaful ini dengan komitmen serendah RM65 setahun yang bersamaan dengan RM5.42 sebulan. Pelan ini juga disertakan dengan perlindungan kemalangan diri secara percuma.

Tambah beliau lagi, KPF akan sentiasa memelihara kesejahteraan dan mengutamakan kepentingan anggotanya melalui inisiatif yang strategik.

Turut hadir menyerahkan sumbangan wakalah adalah wakil pengurusan KPF iaitu Ketua Pentadbiran dan Perkhidmatan KPF, YBr. Encik Anuar Hassan dan Ketua Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia YBr. Puan Norazimah Abdul Rahman serta wakil daripada KPF Niaga Sdn. Bhd. iaitu Pengurus Bahagian Agensi Takaful KPF Niaga, YBr. Encik Mohd Sufian Mohd Razali.



Kelebihan myFire Plus+



Perlindungan kebakaran komprehensif
(termasuk kebakaran, banjir, ribut dan petir)



Melindungi aset rumah sendiri



Premium yang berpatutan
serendah **RM65 setahun**



Penyelesaian tuntutan yang
lebih **mudah dan cepat**



Sokongan khidmat
pelanggan dan khidmat
insurance

Setinggi-tinggi

Tahniah

kepada

**YBRS. DR. MAZATUL 'AINI
SHAHAR ABDUL MALEK SHAHAR**

atas pelantikan sebagai

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD**

(BERKUATKUASA 4 FEB 2026)

ikhlas daripada

**PENGERUSI, ANGGOTA LEMBAGA
DAN WARGA KERJA**

**KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD
DAN SYARIKAT KUMPULAN**

**Tahniah diucapkan kepada Yang Berusaha Dr.
Mazatul 'Aini Shahar Abdul Malek Shahar atas
pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad.**



Setinggi-tinggi

tahniah

kepada

**YBRS. PUAN SITI AZLIN BINTI
AHMAD DAUTA**

atas pelantikan sebagai

**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

ikhlas daripada

**PENGERUSI, ANGGOTA LEMBAGA
DAN WARGA KERJA
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD
DAN SYARIKAT KUMPULAN**

Ucapan setinggi tahniah dan selamat
menjalankan tugas kepada YBrs. Puan Siti Azlin
binti Ahmad Dauta atas pelantikan sebagai
**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya
Koperasi Malaysia.**



Setinggi-tinggi

Tahniah

dan

SELAMAT DATANG

kepada

YBRS. ENCIK ISA HARON

atas pelantikan sebagai

**KETUA EKSEKUTIF
KPF PLANTATION SDN. BHD.**

(MULA BERKHIDMAT PADA 4 FEB 2026)

ikhlas daripada

**PENGERUSI, ANGGOTA LEMBAGA
DAN WARGA KERJA**

**KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD
DAN SYARIKAT KUMPULAN**

Tahniah & Selamat Datang diucapkan kepada Yang Berusaha Encik Isa Haron atas pelantikan sebagai Ketua Eksekutif KPF Plantation Sdn. Bhd.






SKIM KHAS RUMAH PENEROKA

Khusus untuk warga FELDA

Takaful myFire Plus+

Kerjasama bersama Jabatan Komuniti FELDA



KEBAKARAN

SERENDAH
RM 65
Setahun

RM 5.42 Sebulan



BANJIR



KILAT/PETIR



RIBUT/TAUFAN

TENERA
HOTEL & SUITES

WEEKEND

Hi-Tea

SAFFRON BRASSERIE
RESTAURANT LEVEL 2,
MAIN TOWER

EVERY
SATURDAY
& SUNDAY

12.00PM
UNTIL 3.30PM

Adults
RM 78⁺

Children/
Senior Citizen
RM 48⁺

+603 8929 9600

hoteltenerabangi

www.tenerahotel.com.my

TERBITAN:



JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD